

Kes pecah amanah libat peguam

MENCERITAKAN kembali pengalaman bergelar pegawai penyiasat selama 10 tahun lalu, kata Alwizan, ada beberapa kes yang masih segar dalam ingatannya membabitkan pecah amanah oleh firma guaman terhadap pelanggan.

Salah satu yang masih diingati kes pada 2012 yang mana seorang pemilik firma guaman telah pecah amanah wang duti setem berjumlah RM150,000 milik seorang pelanggan yang ingin membeli lot hartanah di UOA Bangsar.

Menurut Alwizan, selepas pelanggan tersebut gagal menghubungi peguam berkenaan, dia yang berasa curiga terus membuat laporan kerana peguam tersebut menghilangkan diri dan dipercayai berpindah ke tempat lain bagi mengelak dikesan pelanggan.

“Hasil siasatan kita berjaya mengesan suspek dan dakwanya di mahkamah.

“Bagaimanapun, akhirnya mereka bersetuju selesaikan di luar mahkamah dengan persetujuan bersama apabila wang milik pelanggan berkenaan dipulangkan kembali,” ujarnya banyak kes sedemikian berakhir penyelesaian di luar mahkamah.

Antara lain adalah kes pada 2009 melibatkan seorang ahli perniagaan wanita yang turut ditipu apabila wang berjumlah RM100,000 yang diserahkan kepada peguam bagi urusan membeli lot kondominium di ibu kota.

“Kes seumpama ini kebanyakannya hampir sama iaitu selepas wang diserahkan, peguam akan menghilangkan diri bersama wang yang diserahkan bagi urusan pembelian lot hartanah.

“Ini juga antara kes yang mana peguam akhirnya mengaku bersalah dan menyelesaikan kes di luar mahkamah serta bersetuju memulangkan wang milik pelanggan,” jelasnya lagi.

ALWIZAN menunjukkan antara sijil diterimanya semasa ditemu bual di Balai Polis Sri Hartamas.



Cabaran menjaga kawasan elit

Alwizan lega kerjasama baik masyarakat setempat

Oleh **NORHIDAYU MOHD. HASSAN**
pengarang@utusan.com.my



SEPULUH tahun dalam kancuh penyiasatan membabitkan kes-kes jenayah komersial di ibu kota sejak tamat latihan di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak pada November 2003, Inspektor Alwizan Jaafar, 37, mencipta sejarah tersendiri apabila dipilih menjadi Ketua Polis Balai Sri Hartamas yang pertama pada Mei tahun lalu.

Merupakan antara kawasan tumpuan di Kuala Lumpur yang masyarakat setempatnya rata-rata terdiri daripada golongan elit, tanggungjawab dan amanah dalam menayakan portfolio tugasnya ternyata memberi perspektif yang berbeza dalam profesion beliau.



Meskipun di sini rata-ratanya daripada golongan elit, masyarakat di sini tidak lokek memberi kerjasama yang baik.”

ketua balai lebih banyak mengajar saya tentang cabaran dalam mengendalikan pengurusan manusia.

“Dipilih untuk menjawat tugas ini pastinya kerana pucuk pimpinan yakin dengan kebolehan dan kemampuan seseorang individu, jadi saya sangat menghargai dengan kepercayaan ini dan sedaya upaya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pasukan selain untuk masyarakat di sini khususnya,” katanya ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Mengulas lanjut pengalamannya



ALWIZAN (dua dari kiri) berbincang sesuatu dengan anggota-anggotanya di Balai Polis Sri Hartamas.

yang sudah pun menjangkau setahun menjadi ketua balai di situ, ujar bapa kepada dua anak ini, beliau bersyukur dengan komitmen yang diberikan anggotanya selain jalinan kerjasama baik daripada penduduk setempat dalam usaha pembanteras jenayah.

Jelas beliau, kerjasama baik daripada masyarakat terhadap pasukan polis sangat mempengaruhi usaha pasukan dalam memerangi dan membanteras jenayah di dalam negara.

Jalinan itu tidak hanya di peringkat tertinggi sahaja bahkan memerlukan sokongan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

“Meskipun di sini rata-ratanya daripada golongan elit, masyarakat di sini tidak lokek memberi kerjasama yang baik selain bersama-sama dalam apa juga aktiviti membanteras jenayah termasuk melibatkan diri dalam komuniti kepolisan.

“Lebih menarik, hampir 20,000 penduduk di sini merupakan rakyat asing yang bekerja dan memilih untuk membuat perniagaan di sini terutamanya warga Korea, Jepun, Eropah dan Iran namun saya lega meskipun berbeza bahasa dan budaya, mereka semua sentiasa memberi kerjasama baik kepada polis dalam menjalankan tugas.

“Kalau ditanya saya tentang bahasa dengan mereka, saya belum sempat mempelajarinya kerana kebanyakan rakyat asing di sini





Info

PENDIDIKAN:
Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Durian.

Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Saujana.

Tingkatan empat dan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut.

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut.

Ijazah Ekonomi di Universiti Putra Malaysia.

NOVEMBER 2003: Tamat latihan di Pulapol Jalan Semarak.

2004 - 2006: Bertugas sebagai pegawai penyiasat jenayah komersial di Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL).

2006 - 2013: Bertugas sebagai pegawai penyiasat jenayah komersial di Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields.

MEI 2013 - KINI: Bertugas sebagai Ketua Balai di Balai Polis Sri Hartamas.

fasih berbahasa Inggeris dan jelas ia memudahkan komunikasi dua hala antara polis dan rakyat asing," kata beliau.

Malah jelasnya, jika hendak dikaitkan tentang kegiatan jenayah di sini, kes yang paling ketara sekali adalah membabitkan kecurian yang kebanyakan pengadu melaporkan kenderaan mereka dipecah dan suspek melarikan barangan berharga seperti komputer riba.

Kata anak keempat dari lima beradik ini, kawasan di bawah jagaan pentadbirannya terdiri daripada 51 buah kondominium, tiga perumahan villa, dua perumahan taman, dua sekolah antarabangsa serta masing-masing sebuah sekolah menengah dan sekolah rendah kebangsaan.

"Setakat ini semuanya dalam keadaan terkawal dan saya bersyukur mempunyai 75 anggota yang sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam membantu saya menjayakan misi pasukan polis di sini.

"Masyarakat di sini yang turut memainkan peranan sebagai mata dan telinga polis juga banyak membantu dalam

menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di sini selain dibantu sebuah balai komuniti yang terletak di Mont Kiara," ujar anak kelahiran Kampung Retang, Jerantut, Pahang.

Gambar AZLAN HADI ABU BAKAR

ALWIZAN bergambar bersama isterinya, Ramlah Abdullah serta dua anaknya iaitu Nuriman Aina (baju merah) dan Iman Ajmal di Legoland, Johor baru-baru ini.



ALWIZAN (tengah) bersama rakan platun semasa latihan menembak di Ulu Kinta, Perak pada 2004.



ALWIZAN (berdiri, tiga dari kiri) bersama rakan-rakan selepas selesai latihan menggunakan senjata di Ulu Kinta, Perak pada 2004.

Pernah berniaga ayam

SEBELUM menjadi polis, Inspektor Alwizan pernah bercita-cita menjadi seorang ahli perniagaan.

Namun, beliau tidak terus mengambil langkah terburu-buru apabila memilih untuk mencari pengalaman terlebih dahulu dengan menjadi pembantu berniaga ayam di pasar.

Kata Alwizan, melalui pengalaman mengikut orang lain berniaga, dia semakin jelas tentang sesuatu cabaran dan risiko dalam perniagaan tidaklah semudah yang disangka.

"Selepas habis pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang ekonomi pada 2001, saya sudah mula bekerja dengan membantu berniaga ayam untuk mencari pengalaman sebelum menjalankan perniagaan sendiri.

"Tiga tahun saya bekerja dan dalam

masa yang sama saya turut memohon untuk menjadi polis. Permohonan pada tahun ketiga baru saya dapat panggilan untuk temu duga," ujarnya yang juga meminati dalam pasukan beruniform.

Jelas beliau, panggilan temuduga sebagai inspektor adalah rezekinya selain beliau sememangnya meminati dunia kepolisan sejak di bangku sekolah lagi.

"Sesekali saya terkenangkan kembali zaman mula-mula menjalani latihan di Pulapol sebelum kami ditauliahkan.

"Kenangan paling sukar dilupakan apabila ada seorang rakan dalam platun kami didenda bergayut di dahan pokok dan kemudian dahan itu patah. Ia agak melucukan namun itulah antara perkara yang mengingatkan saya tentang kenangan lalu di sana," ujarnya tersenyum.